BERNAMA.com

EKONOMI

MSM, Wilmar Sugar bekerjasama wujudkan rantaian bekalan gula mampan









15/02/2022 02:01 PM

KUALA LUMPUR, 15 Feb -- MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) dan Wilmar Sugar Pte Ltd (Wilmar Sugar) menandatangani satu perjanjian pada Disember 2021 untuk bekerjasama dalam penubuhan rantaian bekalan gula mampan.

Dalam satu kenyataan hari ini, MSM berkata program gula mampan itu dicetuskan oleh syarikat induk Wilmar Sugar, Wilmar International Limited (Wilmar) yang melancarkan Polisi Gula Tanpa Penebangan Hutan, Tanpa Eksploitasi Manusia (NDPE) pada September 2021.

Kumpulan itu berkata ini menunjukkan komitmen oleh MSM dan Wilmar Sugar untuk melindungi alam sekitar, tenaga kerja dan komuniti sambil menggalakkan kemajuan dalam kecekapan operasi dan amalan terbaik.

"MSM dan Wilmar Sugar akan memulakan usaha bersama untuk membantu dan menyokong satu sama lain dalam merintis pendekatan bagi membolehkan penyumberan gula mentah yang mampan dalam rantaian bekalan bersama MSM dan Wilmar Sugar dengan memberi tumpuan kepada pelaporan kebolehkesanan bekalan gula dan pemantauan prestasi kemampanan berdasarkan Polisi Gula NDPE," katanya dalam satu kenyataan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM Syed Feizal Syed Mohammad berkata hasil daripada kerjasama dengan Wilmar Sugar, antara pemain terkemuka dalam komoditi gula, dan program kemampanan Gula NDPE, membolehkan MSM untuk mewujudkan kebolehkesanan gula mentah yang kukuh dan amalan mampan selaras dengan komitmen rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) MSM.

"MSM menyasar untuk mendapatkan gula mentah yang mampan bagi pengeluaran pasaran tempatan dahulu. Kerjasama dengan Wilmar Sugar ini membawa kami selangkah lebih jauh dalam meningkatkan komitmen ESG dan kehadiran MSM ke pasaran yang lebih luas di seluruh dunia sebagai penapis gula premium yang mampan dan akan mengukuhkan lagi kedudukan kami sebagai syarikat lapan teratas penapis gula bersepadu di dunia," katanya.

Ketua Gula Kumpulan Wilmar yang juga Pengarah Urusan Wilmar Sugar Pte Ltd, Jean-Luc

Bohbot, berkata kerjasama terbaharu ini akan menyediakan kedua-dua syarikat dengan

keupayaan untuk menangani permintaan pengguna yang semakin meningkat untuk sumber

produk yang mampan.

"Pelancaran program Gula NDPE memenuhi permintaan pelanggan untuk sumber gula yang

bertanggungjawab dan memupuk keterangkuman yang lebih baik untuk pekebun kecil tebu,"

katanya.

Melalui program ini, MSM akan meningkatkan nilai kemampanannya dan menunjukkan

sokongannya ke arah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 12, Penggunaan dan

Pengeluaran Bertanggungjawab - memastikan corak penggunaan dan pengeluaran yang

mampan, salah satu SDG oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Pada masa ini, MSM mengendalikan dua kilang penapisan gula, satu di Prai, Pulau Pinang

dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 1.05 juta tan gula bertapis, kilang penapisan

gula terbesar negara, dan di Tanjung Langsat, Johor dengan kapasiti pengeluaran tahunan

sebanyak satu juta tan gula bertapis dan sedia untuk meningkatkan pengeluarannya pada 2022.

Wilmar Sugar mengendalikan perniagaan gula bersepadu merentasi keseluruhan rantaian nilai

daripada perladangan tebu kepada pemprosesan, perdagangan dan pengeluaran produk

pemanis.

la mengendalikan kilang gula, loji penjanaan bersama, kilang penyulingan etanol dan penapisan

gula di seluruh dunia, menghubungkan asal-usul dan destinasi utama melalui pasukan peneraju

pasaran.

-- BERNAMA

Media: BERNAMA

Link: https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=2052224